

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK [\(English Version\)](#)



Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil JDC-i Hong Leong.

Kad Debit Junior-i Hong Leong

Pastikan anda juga membaca terma dan syarat Akaun Junior-i 3 dalam 1 Hong Leong.

Tarikh:

Kemas kini terakhir pada 1 Januari 2023

1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?

Kad Debit-i tambah nilai ini dikeluarkan kepada Ibu Bapa atau Penjaga Sah kanak-kanak. Ini adalah suatu instrumen pembayaran yang membolehkan anda membuat bayaran bagi barangan dan perkhidmatan yang menyertai rangkaian Visa, Mastercard atau MEPS. Kad Debit Junior-i (Tambah nilai) ("JDC-i") ini juga membolehkan anda membuat pengeluaran wang tunai di Mesin Juruwang Automatik ("ATM"). Anda dikehendaki mengekalkan Akaun Simpanan Junior-i dengan kami, untuk dipautkan kepada JDC-i anda. Jika anda menutup Akaun Simpanan-i Junior di Hong Leong Islamic Bank Berhad ("HLISB"), anda tidak boleh melakukan apa-apa transaksi dengan menggunakan JDC-i. Pelanggan hendaklah membaca dan memahami Terma dan Syarat Akaun Junior-i 3 dalam 1 sebelum menandatangani perjanjian dan menggunakan JDC-i.

• Pengeluaran Tunai ATM

Mengeluarkan wang tunai di dalam dan luar negara daripada lebih 1 juta mesin ATM yang memaparkan logo MEPS, VISA, PLUS, MasterCard atau Cirrus.

• Kemudahan Pembayaran

Membuat pembelian di lebih 29 juta peniaga Visa dan Mastercard di dalam dan di seluruh dunia, serta pedagang MyDebit. Anda juga boleh membayar bil, memindahkan wang dan membuat pembelian dalam talian.

• Penerimaan Tanpa Sentuhan Visa payWave/PayPass/MCCS

Bayar dengan hanya satu lambaian – cara pembayaran yang pantas, tanpa sentuhan dan mudah.

• Diskaun & Keistimewaan

Nikmati diskaun eksklusif apabila menjamu selera, membeli-belah, melancong dan banyak lagi di peniaga terpilih hanya dengan menggunakan JDC-i.

• Kawalan Kewangan yang Lebih Baik

Fleksibiliti untuk menetapkan "Had Pengeluaran" anak anda, "Had Pembelian Runcit", "Had Pembelian Dalam Talian" dan "Had Tambah Nilai Automatik" melalui perbankan dalam talian HLB Connect atau lawati mana-mana cawangan HLB/HLISB.

JDC-i tidak boleh digunakan di mana-mana peniaga yang menyediakan barangan dan perkhidmatan tidak patuh Syariah dan/atau untuk apa-apa transaksi tidak patuh Syariah yang dikategorikan mengikut Kategori Peniaga yang berikut:

- Bars, Ruang Koktel, Disko, Kelab Malam dan Kedai Minuman Keras
- Pakej Bir, Wain dan Minuman Keras
- Kedai dan Gerai Cerut
- Transaksi Perjudian
- Petaruhan - Perlumbaan Kuda, Perlumbaan Anjing, Petaruhan Bukan Sukan Dalam Talian Antara Negeri
- Perkhidmatan Janji Temu dan Teman Sosial

2. Apakah Konsep Syariah yang digunakan?

Wakalah

Merujuk kepada kontrak di mana pihak prinsipal (muwakkil), membenarkan pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran.

Ujrah

Merujuk kepada komisen atau bayaran yang dikenakan bagi kemudahan atau perkhidmatan yang diberikan.

3. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Untuk senarai penuh yuran dan caj, sila layari laman web kami di www.hlisb.com.my/dci2 atau imbas kod di bawah.



4. Apakah terma dan syarat utama?

- Amaun pra-kuasa sebanyak RM200 akan dicaj ke Akaun Pembelian Runcit yang dipautkan dengan JDC-i untuk bayaran yang dibuat di dispenser bahan bakar automatik. Jumlah pra-kuasa akan dikreditkan kembali dan jumlah transaksi sebenar akan dicajkan ke Akaun Pembelian Runcit anda apabila penyelesaian dilakukan oleh peniaga dalam masa tiga (3) hari bekerja.
- Sebagai alternatif, anda boleh memilih untuk membayar dengan JDC-i anda di kaunter juruwang untuk mengelakkan jumlah pra-kuasa diperuntukkan.

5. Bagaimana jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

Anda mesti sentiasa menggunakan langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan kehilangan JDC-i anda.

Tanggungjawab Pemegang Kad:

- (a) mematuhi terma dan syarat bagi penggunaan JDC-i;
- (b) mengambil langkah yang munasabah untuk menjaga JDC-i dan PIN dengan selamat pada setiap masa, termasuk di tempat kediaman Pemegang Kad. Ini termasuk tidak:
 - i. mendedahkan butiran JDC-i atau PIN kepada mana-mana pihak lain;
 - ii. mencatat PIN di atas JDC-i atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan dengan JDC-i;
 - iii. menggunakan PIN yang dipilih daripada tarikh lahir Pemegang Kad, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor perhubungan; dan
 - iv. membenarkan mana-mana pihak lain untuk menggunakan JDC-i dan PIN.
- (c) memaklumkan kepada HLISB secepat mungkin setelah mengetahui JDC-i telah hilang, dicuri, satu transaksi tanpa kebenaran telah berlaku atau PIN telah terjejas;
- (d) memaklumkan kepada HLISB dengan segera apabila menerima Paparan Notifikasi melalui Aplikasi HLB Connect atau khidmat pesanan ringkas ("**SMS**") jika transaksi itu berlaku tanpa kebenaran;
- (e) memaklumkan kepada HLISB dengan segera sebarang perubahan pada nombor perhubungan Pemegang Kad;
- (f) menggunakan JDC-i dengan penuh tanggungjawab, termasuk tidak menggunakan JDC-i untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang; dan
- (g) menyemak penyata akaun dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa berlengah.
- (h) memastikan bahawa semua Transaksi Kad (termasuk Transaksi Luar Negara) mematuhi Dasar Pertukaran Asing Bank Negara Malaysia ("**FEP**"). Pemegang Kad dinasihatkan untuk membaca dan memahami FEP yang terdapat di laman web BNM di <http://www.bnm.gov.my> – tab 'Dasar Pertukaran Asing' untuk memastikan semua aktiviti yang dilakukan menggunakan JDC-i sentiasa mematuhi FEP.

Anda akan bertanggungjawab untuk transaksi PIN tanpa kebenaran jika anda:

- (a) melakukan penipuan;
- (b) lewat untuk memaklumkan HLISB secepat mungkin selepas mengetahui kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran JDC-i anda;
- (c) mendedahkan PIN anda kepada orang lain secara sukarela;
- (d) mencatat PIN di atas JDC-i atau pada apa sahaja yang disimpan berdekatan dengan JDC-i.

Anda akan bertanggungjawab untuk transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad tanpa sentuhan, jika anda:

- (a) melakukan penipuan;
- (b) lewat untuk memaklumkan HLISB secepat mungkin selepas mengetahui kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran JDC-i anda;
- (c) meninggalkan JDC-i anda atau benda yang mengandungi JDC-i anda tanpa pengawasan di tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain; atau

(d) membenarkan orang lain untuk menggunakan JDC-i anda secara sukarela.

Anda akan bertanggungjawab sepenuhnya atas segala transaksi JDC-i tanpa kebenaran.

6. Apakah risiko utama?

Jangan gunakan PIN atau kata laluan yang dipilih daripada tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon anda untuk mencegah penggunaan JDC-i tanpa kebenaran sekiranya JDC-i anda hilang / dicuri.

JDC-i anda hilang atau dicuri. Anda hendaklah serta-merta memberitahu HLISB di 03-7626 8899 untuk menyekat penggunaan JDC-i anda sebaik sahaja menyedari JDC-i anda hilang atau dicuri atau transaksi tanpa kebenaran telah berlaku atau PIN telah terjejas.

Anda mestilah memaklumkan kepada HLISB dengan segera apabila menerima Paparan Notifikasi melalui Aplikasi HLB Connect atau SMS jika transaksi itu berlaku tanpa kebenaran;

7. Apakah yang perlu saya lakukan jika butiran perhubungan saya berubah?

Untuk memastikan segala surat-menyurat sampai ke tangan anda tepat pada waktunya, anda dikehendaki memberitahu kami jika terdapat sebarang perubahan dalam butiran perhubungan dan/atau butiran peribadi.

Ini boleh dilakukan dengan pergi ke mana-mana cawangan HLB/HLISB atau hubungi Pusat Hubungan Hong Leong kami di 03-7626 8899 untuk mengemas kini butiran perhubungan dan/atau butiran peribadi anda.

8. Dimanakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Untuk mendapat maklumat terbaharu yang terkandung dalam Kertas Pendedahan Produk dan terma & syarat produk kami yang lengkap, sila layari www.hlisb.com.my. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka maklumat terbaharu dan terma & syarat dalam laman web HLISB akan diutamakan.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pusat Hubungan: 03-7626 8899

E-mel: HLOnline@hlbb.hongleong.com.my

Untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang ditawarkan, anda boleh menghubungi kami di:

Advokasi Pelanggan

Tingkat 13A, Menara Hong Leong,

No. 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara,

50490 Kuala Lumpur

Telefon: 03-7626 8801/03-7626 8802/03-7626 8812

E-mel: customerservice@hlbb.hongleong.com.my

9. Fungsi Transaksi Tanpa Sentuhan

- **Had Transaksi Tanpa Sentuh**

Had transaksi tanpa sentuh tanpa pengesahan PIN adalah Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250) ("Had Transaksi Tanpa Sentuh") bagi setiap transaksi. Sekiranya transaksi tanpa sentuh anda tidak melebihi RM250, anda tidak perlu memasukkan PIN apabila kad anda disentuh atau dilambaikan pada pembaca kad tanpa sentuh. Pengesahan PIN diperlukan untuk transaksi anda yang melebihi RM250.

- **Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuh**

Had kumulatif transaksi tanpa sentuh tanpa pengesahan PIN ditetapkan pada Ringgit Malaysia Lapan Ratus (RM800) setiap hari atau had lain sebagaimana yang anda tetapkan ("Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuh"). Untuk keselamatan tambahan, transaksi tanpa sentuh akan dibatalkan apabila jumlah transaksi tanpa sentuh anda mencapai Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuh dan anda akan diminta untuk melakukan transaksi berserta PIN untuk set semula Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuh. Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuh anda akan diset semula secara automatik setiap hari atau apabila anda membuat bayaran berserta PIN.

- **Menetapkan Had Transaksi**

Anda boleh menetapkan Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuh anda dari RM0 hingga RM800 melalui HLB Connect, menghubungi Pusat Hubungan atau melawati mana-mana cawangan HLB/HLISB.

Had Transaksi Tanpa Sentuh dan Had Kumulatif Transaksi Harian Tanpa Sentuh tertakluk kepada dan tidak akan melebihi Had Pembelian Runcit yang telah anda tetapkan. Contoh:

Had Pembelian Runcit	Had Transaksi Tanpa Sentuh	Had Kumulatif Tanpa Sentuh
RM100	RM100	RM100
RM300	RM250	RM300
RM1,000	RM250	RM800

10. Pakej-pakej Kad Debit-i lain yang disediakan

Kad Debit-i Hong Leong

11. Panduan Keselamatan Pemegang Kad Debit PIN & BAYAR

Anda dan mana-mana pemegang kad tambahan, dikehendaki mengambil semua langkah yang sewajarnya untuk mencegah kad dan nombor JDC-i, PIN, kata laluan atau sebarang butiran keselamatan lain untuk kad atau akaun (“butiran keselamatan”) daripada disalahgunakan atau digunakan untuk melakukan penipuan.

Langkah-langkah pencegahan ini merangkumi:

- tandatangan pada JDC-i apabila ia diterima dan patuhi sebarang arahan keselamatan;
- lindungi JDC-i, PIN dan sebarang butiran keselamatan JDC-i;
- jangan benarkan sesiapa mengambil atau menggunakan JDC-i;
- memusnahkan sebarang maklumat PIN dan sebarang butiran keselamatan JDC-i;
- jangan tulis nombor PIN atau butiran keselamatan JDC-i atau mendedahkan maklumat tersebut kepada sesiapa termasuk pihak polis dan/atau kakitangan HLB/HLISB;
- jangan benarkan sesiapa melihat PIN anda semasa anda memasukkannya atau ia dipaparkan;
- jangan mengubah suai JDC-i;
- semak selalu JDC-i untuk memastikan ia masih berada di tangan anda;
- simpan resit JDC-i dan lupuskan ia dengan cermat;
- hubungi kami jika ada sebarang perkara yang mencurigakan atau masalah mengenai penggunaan JDC-i di terminal; dan
- semak penyata anda selalu dan laporkan mengenai sebarang aktiviti yang mencurigakan dengan segera.

Anda dikehendaki memaklumkan kepada kami dengan segera jika:

- JDC-i anda hilang / dicuri;
- PIN anda telah terdedah / terjejas;
- JDC-i anda ditahan oleh ATM; atau
- alamat atau maklumat perhubungan anda telah bertukar.

Ada dikehendaki memilih atau menukar PIN anda kepada nombor yang dipilih oleh anda sebelum PIN boleh digunakan untuk sebarang transaksi. Pilihan PIN anda mestilah angka yang boleh mengurangkan kemungkinan ia dapat diteka oleh orang lain. Anda perlu mengelakkan PIN yang tidak sesuai seperti:

- tarikh lahir, bulan atau tahun dalam sebarang bentuk atau kombinasi;
- nombor berturutan (seperti 345678) dan gabungan nombor yang mudah dikenali (seperti 111111);
- sebarang kumpulan nombor yang dicetak di atas JDC-i anda;
- lain-lain nombor peribadi yang mudah diperolehi seperti sebahagian daripada nombor telefon peribadi, nombor kad pengenalan atau lain-lain data peribadi.

Pra-Kuasa Kad untuk Urusniaga Pembelian Runcit yang dibuat dengan Peniaga yang Sah

Apakah yang berlaku apabila saya menggunakan JDC-i di Peniaga yang Sah yang meminta pra-kuasa?

Peniaga sah tersebut akan menahan sementara jumlah pra-kuasa yang terdapat di dalam akaun anda ketika transaksi berlaku. Ini dilakukan dengan menghantar amaun pra-kuasa untuk JDC-i tersebut kepada pengeluar kad.

Apakah maksud pra-kuasa?

Pra-kuasa adalah pegangan sementara sejumlah amaun daripada baki tersedia yang terdapat pada kad tersebut. Ia digunakan sebagai pengesahan bahawa kad adalah aktif dan memiliki dana yang mencukupi untuk transaksi.

Berapakah amaun pra-kuasa atas JDC-i saya?

Amaun pra-kuasa yang ditetapkan untuk pembelian petrol di pam layan diri adalah Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200) dan jumlah pra-kuasa untuk transaksi pembelian runcit yang lain adalah jumlah transaksi yang ditetapkan oleh peniaga yang sah dan dipersetujui oleh anda.

Bagaimana jika amaun sebenar yang mengurus niagakan adalah kurang daripada amaun pra-kuasa?

Jumlah pra-kuasa bukan caj dan tiada dana yang didebitkan dari akaun JDC-i tetapi baki yang terdapat di dalam akaun JDC-i akan berkurangan buat sementara waktu untuk jumlah pra-kuasa tersebut. Setelah peniaga melakukan penyelesaian urus niaga, jumlah sebenar transaksi akan dicaj ke dalam akaun pemegang kad. Walau bagaimanapun, ini mungkin mengambil masa sehingga dua puluh satu (21) hari selepas transaksi dan pra-kuasa berlaku.

Bagaimanakah jika dana tersedia saya kurang dari jumlah pra-kuasa atau jika saya mahu mengelakkan pegangan dana atas kad saya?

Anda tidak boleh meneruskan transaksi jika dana tersedia anda kurang daripada jumlah pra-kuasa. Jika anda mahu mengelakkan pra-kuasa untuk pembelian petrol di pam layan diri, anda dinasihatkan untuk pergi ke kaunter juruwang di mana amaun belian sebenar akan ditolak daripada akaun anda.

JDC-I dengan Ciri Tanpa Sentuhan

Kad tanpa sentuhan adalah cara yang pantas, senang dan mudah untuk anda membayar dan membuat pembelian harian dengan cepat dan selamat dengan hanya menyentuhkan JDC-i apabila anda melihat simbol universal tanpa sentuhan.

Bagaimana kad tanpa sentuhan saya berfungsi?

Fungsi tanpa sentuhan merangkumi cip komputer yang terbenam dengan antena yang menghantar isyarat transaksi tanpa wayar dalam jarak dekat tanpa sentuhan langsung di antara terminal peniaga dan JDC-i. Untuk membuat pembayaran, anda hanya perlu menyentuhkan kad anda pada terminal pembaca kad apabila diarahkan. Tiada PIN atau tandatangan diperlukan untuk transaksi tanpa sentuhan yang berjumlah sehingga Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250) di Malaysia.

Langkah-langkah Keselamatan

JDC-i sentiasa di tangan anda

Langkah keselamatan paling mudah adalah JDC-i sentiasa berada di tangan anda. Oleh kerana kad berada dalam kawalan anda, orang lain tidak akan berpeluang untuk melakukan leretan berganda atau membuat salinan JDC-i.

Cip selamat untuk menghalang pemalsuan

JDC-i adalah selamat sama seperti mana-mana kad debit lain yang dikuasakan oleh cip yang memiliki tahap keselamatan pelbagai peringkat untuk menghalang pemalsuan. Setiap transaksi tanpa sentuhan merangkumi kod unik yang dijana oleh cip yang terdapat di dalam JDC-i yang berubah untuk setiap pembelian. Sekaligus menghalang orang yang ingin melakukan penipuan daripada menggunakan semula maklumat yang dibaca daripada cip untuk membuat pembayaran.

Pengesahan pelanggan untuk pembelian bernilai lebih tinggi

Anda tidak perlu menandatangani atau memasukkan PIN untuk transaksi tanpa sentuhan yang berjumlah sehingga Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250) di Malaysia. Bagi transaksi yang bernilai lebih daripada RM250, anda akan diminta untuk memasukkan PIN atau menandatangani resit.

Tiada Liabiliti Pemegang Kad untuk Pembelian Tanpa Sentuhan

Seandainya berlaku penipuan, anda tidak akan diminta bertanggungjawab untuk caj penipuan tersebut atau pembelian tanpa kebenaran yang menggunakan JDC-i. Anda perlu memaklumkan kami dengan segera atau secepat mungkin tentang sebarang penggunaan JDC-i tanpa kebenaran atau aktiviti yang mencurigakan. Walau bagaimanapun, anda akan dipertanggungjawabkan ke atas pembelian tanpa kebenaran jika anda cuai dalam melindungi JDC-i atau PIN anda.

Soalan Lazim

1. Bolehkah saya membuat pembayaran tanpa disedari apabila saya melintasi terminal pembaca kad tanpa sentuhan?

JDC-i tanpa sentuhan anda hanya boleh digunakan apabila JDC-i berada dalam jarak 4 sm dari terminal pembaca kad. Selain daripada itu, terminal pembaca kad perlu diaktifkan oleh juruwang sebelum menerima bayaran. Jika terminal pembaca kad tidak memproses sebarang transaksi, ia tidak akan membaca sebarang kad yang berada berhampiran dengannya secara tidak sengaja.

2. Apakah yang berlaku jika saya tersentuh JDC-i saya dua kali pada terminal pembaca kad tanpa sentuhan?

Terminal pembaca kad tanpa sentuhan hanya boleh memproses satu transaksi pada satu-satu masa. Walaupun JDC-i telah tersentuh dua kali, anda hanya akan dibil sekali sahaja untuk transaksi tersebut.

3. Apakah yang berlaku jika saya memiliki lebih daripada satu kad tanpa sentuhan di dalam dompet dan saya menyentuh dompet saya pada terminal pembaca kad tanpa sentuhan?

Jika anda memegang kad anda di hadapan terminal pembaca kad dan anda mempunyai kad lain berhampiran, pembaca kad mungkin akan mengesan lebih daripada satu kad dan bayaran tersebut tidak akan berjaya. Anda perlu memegang satu kad pada terminal pembaca kad dan melakukan transaksi tersebut sekali lagi.

4. Apakah yang berlaku jika orang yang ingin melakukan penipuan membaca JDC-i saya dengan meletakkan pembaca kad tanpa sentuhan hampir dengan dompet saya?

Butiran peribadi JDC-i tidak mungkin dapat dibaca oleh orang yang ingin melakukan penipuan dengan meletakkan terminal pembaca kad berhampiran dengan poket atau dompet anda. Ciri-ciri keselamatan telah tersedia untuk mencegah penggunaan butiran keselamatan kad yang telah dicuri. Setiap transaksi tanpa sentuhan mempunyai kod unik yang berubah untuk setiap pembelian yang dijana oleh cip di dalam JDC-i asal dan ia hanya boleh digunapakai sekali sahaja. Ini akan mencegah JDC-i palsu daripada dihasilkan menggunakan butiran keselamatan kad yang dicuri.

5. Bolehkah orang yang ingin melakukan penipuan mencuri JDC-i saya dan menggunakannya untuk mengosongkan akaun saya?

Ciri-ciri keselamatan telah tersedia untuk menghalang penggunaan JDC-i yang hilang atau dicuri oleh mana-mana orang yang ingin melakukan penipuan. Terdapat had transaksi tanpa sentuhan yang rendah sebanyak RM250. Transaksi tidak akan dilulus tanpa pengesahan pemegang kad menggunakan PIN atau tandatangan sekiranya melebihi had tersebut. Transaksi juga akan dianalisa oleh pengeluar kad dan rangkaian pembayaran global pada masa sebenar untuk mengenal pasti corak penipuan dan mengesan transaksi yang mencurigakan.

Maklumat yang terdapat di dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah sah dari 1 Januari 2023.